

15/09/1997

Pendaratan pertama di KLIA

KUALA LUMPUR, Ahad - Lapangan terbang terbaru Asia, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang bernilai RM9 bilion, dijangka menerima pendaratan pertamanya, pesawat Boeing 747 Penerbangan Malaysia (MAS), esok.

Walaupun seluruh negara sedang mengalami keadaan berjerebu, pendaratan ujian itu akan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan mengetuai menteri Kabinet.

Mereka juga akan memerhatikan kemajuan kerja pembinaan di lapangan terbang itu.

Seorang pegawai Kementerian Pengangkutan berkata, pendaratan pesawat Boeing 747 akan menjadi kemuncak kepada permulaan percubaan asas di lapangan terbang itu, yang dijangka memulakan operasi komersilnya pada suku pertama tahun depan.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada pihak berkuasa sudah memberi kebenaran terhadap pendaratan itu berikutan keadaan berjerebu yang semakin buruk sekarang. MAS terpaksa membatalkan beberapa penerbangannya beberapa hari lalu berikutan jarak penglihatan yang buruk.

Penyelaras Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB), Hamrin Buang, pada 10 September lalu berkata, keputusan muktamad berhubung pendaratan itu akan dibuat esok bergantung kepada keadaan kerana keselamatan tetap diutamakan.

Hamrin yakin keadaan berjerebu itu tidak akan menimbulkan masalah atau melewati ujian pendaratan itu.

Beliau berkata, KLIAB bekerjasama rapat dengan Malaysia Airports Berhad, MAS, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca berhubung ujian pendaratan itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pada 14 Ogos lalu berkata, pemasangan Total Airport Management System (TAMS) yang mengikut jadual akan membolehkan lapangan terbang itu mengendalikan percubaan asas seperti yang dirancang esok.

TAMS, satu sistem canggih mengumpul dan memproses segala data elektronik dengan menggabungkan pelbagai sub-sistem dalam kawasan KLIA, yang mewujudkan satu pusat bagi keseluruhan operasi dan pengurusan lapangan terbang itu. - Bernama

(END)